

Pilih kata adjektif yang sesuai.

1. Air kopi itu terasa _____ kerana belum dibubuh gula.
A. Kelat B. pahit C. manis D. masin

2. Puan Teoh menguli adunan kuih pau itu sehingga _____.
A. Liat B. keras C. lembut D. lembap

3. Permukaan lantai itu menjadi _____ setelah dimop oleh ibu.
A. Lembut B. halus C. kasar D. licin

4. Pakaian Syafik_____ kerana dia ditimpa hujan semasa dalam perjalanan ke sekolah.
A. Halus B. basah C. kembang D. sejuk

5. Hang Tuah sangat terkenal sebagai pahlawan Melayu yang _____.
A. Berani B. takut C. elok D. jahat

6. Semua kenderaan bergerak _____ kerana berlaku suatu kemalangan jalan raya yang dahsyat di Jalan Lintang.
A. Perlahan B. deras C. laju D. gopoh

7. Pengemis itu makan nasi dengan _____ kerana terlalu lapar.
A. Pantas B. perlahan C. lembut D. gelojoh

8. Penghulu itu berasa sungguh _____ terhadap penduduk kampung kerana anaknya terlibat dalam kegiatan jenayah.
A. Rindu B. malu C. sayang D. benci

9. Mun Yeong hanya berjalan kaki ke tempat kerja kerana _____ dengan rumahnya.

- A. Awal B. jauh C. dekat D. nyaris

10. Jari adik luka kerana terkena pisau yang _____ itu.

- A. Tumpul B. tajam C. panjang D. nipis

11. Badan adik terasa _____ kerana bermain di kawasan semak-samun.

- A. Gatal B. kurus C. cantik D. letih

12. Kamariah menjemur tuala yang _____ itu di ampaian.

- A. Cerah B. basah C. kasar D. rapuh

13. Kita haruslah bersenam supaya otak kita _____.

- A. Cair B. cergas C. cerdas D. lembap

14. Latihan bola sepak akan diadakan pada petang ini sekiranya cuaca _____.

- A. Cerah B. mendung C. basah D. rebut

15. Biskut yang dibuat oleh Shasha _____ kerana dibakar terlalu lama.

- A. Hangus B. kering C. hancur D. rosak

16. Abang saya kelihatan sungguh _____ apabila berbaju Melayu.

- A. Jelita B. gagah C. kacak D. cantik

17. Lukisan Wei Bin amat _____ .

- A. Tercantik B. Cantik sekali C. tercantik sekali D. paling cantik sekali

18. Semua kanak-kanak tadika itu ____belaka.

- A. Comel B. comel-comel C. tercomel D. paling comel